

**PANDANGAN DAN CADANGAN  
TUJUH PERTUBUHAN CINA TERHADAP  
LAPORAN AWAL PELAN PEMBANGUNAN  
PENDIDIKAN MALAYSIA 2013-2025  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**



*Dikemukakan kepada*

**Kementerian Pelajaran Malaysia**

*oleh*

**Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah China Malaysia  
Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia  
Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia  
Malaysian Seven Major Clans Association  
Persekutuan Persatuan-Persatuan Alumni Sekolah China Malaysia  
Gabungan Persatuan Alumni Universiti Taiwan, Malaysia  
Nanyang University Alumni Association of Malaya**

**19 Oktober 2012**

# PANDANGAN DAN CADANGAN TUJUH PERTUBUHAN CINA TERHADAP LAPORAN AWAL PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2013-2025 KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

19 Oktober 2012

## (1) PENDAHULUAN

Baru-baru ini, Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengumumkan Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (selepas ini dirujuk sebagai "Pelan Pendidikan").

Pelan Pendidikan tersebut akan menentukan hala tuju pembangunan dan visi pendidikan negara bagi tempoh 13 tahun akan datang. Pada masa yang sama, ia memberi impak yang meluas dan mendalam terhadap survival dan pembangunan semua aliran pendidikan bahasa ibunda di negara kita.

Rakyat mengharapkan Kementerian Pelajaran Malaysia supaya mengadakan satu pelan pendidikan yang memberi layanan adil dan munasabah kepada semua jenis aliran sekolah. Walau bagaimanapun, Pelan Pendidikan tersebut didapati bukan sahaja tidak memberi layanan yang adil dan munasabah kepada sekolah-sekolah aliran bahasa pengantar Cina, Tamil dan sekolah-sekolah lain, tetapi sebaliknya mengemukakan dasar-dasar dan langkah-langkah pendidikan yang *unilateral* atau sistem satu aliran sekolah yang memberi impak negatif kepada perpaduan rakyat.

Pelan Pendidikan tidak memberi perhatian kepada sekolah-sekolah yang beraliran bahasa pengantar Cina atau Tamil. Ia mengabaikan status sekolah-sekolah Cina dan Tamil yang termaktub di dalam undang-undang serta hak-hak dan kepentingan-kepentingan mereka. Ia juga mengabaikan pelbagai masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah tersebut selama ini tanpa penyelesaian masalah-masalah yang berkenaan.

Selain itu, ia menafikan ciri-ciri Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (selepas ini dirujuk sebagai "SJKC") yang menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar. Ini adalah kerana cadangan-cadangan yang dikemukakan dalam Pelan Pendidikan kononya bagi mempertingkatkan tahap penguasaan Bahasa Malaysia adalah berhasrat untuk menukar ciri-ciri SJKC kepada Sekolah Kebangsaan.

Pelan Pendidikan mengabaikan kewujudan Sekolah-sekolah Menengah Persendirian Cina dan Sekolah-sekolah *Conforming*, dan mengehadkan pembangunan sekolah-sekolah tersebut dengan tujuan berkehendakan semua murid SJKC meneruskan pelajaran ke Sekolah Menengah Kebangsaan sahaja.



Oleh yang demikian, Pelan Pendidikan memberi impak negatif kepada survival dan pembangunan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Menengah Persendirian Cina dan Sekolah *Conforming*. Keadaan sebegini telah menimbulkan rasa bimbang terhadap survival pendidikan bahasa ibunda sekolah-sekolah Cina.

Sehubungan itu, kami yang terdiri daripada tujuh buah pertubuhan Cina di negara kita berwaspada dan memantau rapat perkembangan keadaan tersebut dan berpendirian tegas untuk mempertahankan dan memperjuangkan hak-hak dan kepentingan-kepentingan pendidikan bahasa ibunda.

Atas rasa cinta kepada negara dan keprihatinan terhadap pembangunan pendidikan negara, kami mengemukakan pandangan dan cadangan supaya kerajaan mengambil berat terhadap pandangan dan cadangan kami dan melaksanakannya.

## **(2) PELAN PENDIDIKAN MENERUSKAN PEMBINAAN “NEGARA BANGSA” DAN PELAKSANAAN DASAR PENDIDIKAN SISTEM SATU ALIRAN SEKOLAH**

Strategi yang digunakan di dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 yang dilancarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia pada Januari 2007 merancang untuk membina “Negara Bangsa”. Ia menekankan kepada pembentukan “Satu Negara, Satu Bangsa, Satu Bahasa”, memberi fokus kepada tamadun Islam dan menjadikan Sekolah Kebangsaan sebagai sekolah pilihan utama untuk semua rakyat.

Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang dilancarkan pada September 2012 meneruskan pelaksanaan konsep “Negara Bangsa”. Tambahan pula, ia memperkenalkan kurikulum dan pentaksiran mata pelajaran Bahasa Malaysia yang standard di Sekolah Kebangsaan untuk dilaksanakan di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil mulai tahun 2014 bagi kohort Tahun 4.

Sehubungan itu, jumlah masa pembelajaran mata pelajaran Bahasa Malaysia di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) akan bertambah dari 180 minit seminggu kepada 570 minit dengan kadar peningkatan sebanyak dua kali ganda.

Seperti mana yang kita sedia maklum, bahasa Cina ialah bahasa pengantar utama dalam pengajaran, pembelajaran dan peperiksaan di SJKC dan bahasa pentadbiran SJKC adalah juga bahasa Cina. Jumlah masa pembelajaran mata pelajaran Bahasa Cina bagi kohort Tahun 4 hingga Tahun 6 di SJKC sekarang hanya sebanyak 300 minit seminggu, tambahan lagi pembelajaran mata pelajaran Bahasa Malaysia di SJKC adalah sebagai bahasa kedua.

Sehubungan itu, pelaksanaan kurikulum dan pentaksiran dengan standard yang sama bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia Sekolah Kebangsaan di SJKC jelas bertujuan menukar ciri-ciri pendidikan bahasa ibunda SJKC. Pada masa yang sama, pelaksanaan langkah tersebut akan menambah beban murid-murid SJKC dan mengurangkan masa pembelajaran mata pelajaran lain dan aktiviti-aktiviti ko-kurikulum. Keadaan sebegini bercanggah dengan prinsip pendidikan pembangunan seimbang.

Kedua-dua pelan pendidikan tersebut di atas telah dipermewahkan tetapi intipati asasnya tetap sama iaitu melaksanakan dasar pendidikan Penyata Razak 1956 untuk mencapai "objektif muktamad" (*ultimate objective*) atau sistem satu aliran sekolah. Inilah yang kami bimbang dan tegas membantah.

Mari kita mengimbas kembali sejarah pelaksanaan Akta Bahasa Kebangsaan 1967. Ia berlaku mulai tahun 1968 semasa dasar memperkasakan Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah rendah Inggeris. Sehubungan itu, bahasa pengantar bagi semua mata pelajaran di sekolah-sekolah rendah Inggeris beransur tukar kepada Bahasa Malaysia. Tujuh tahun kemudian, sekolah-sekolah rendah Inggeris tersebut hilang sepenuhnya.

Sejarah ini telah memberi pengajaran bahawa sekiranya dasar dan langkah pendidikan tersebut tidak dibantah dan diberhentikan pelaksanaannya, maka SJKC akan menjejak langkah sekolah-sekolah rendah Inggeris ditukar kepada Sekolah Kebangsaan.

### **(3) KELEBIHAN DASAR PENDIDIKAN SISTEM PELBAGAI ALIRAN SEKOLAH YANG MENGGUNA BAHASA PENGANTAR MASING-MASING**

Negara kita ialah sebuah negara yang berbilang bangsa. Perlembagaan negara menghormati pemeliharaan dan pembangunan bahasa, budaya dan agama yang berbagai-bagai. Keistimewaan kepelbagaian budaya dan pelbagai jenis aliran sekolah yang berlainan bahasa pengantar adalah realiti keadaan negara kita. Ini merupakan aset dan kelebihan negara kita.

Pelan Pendidikan menyebut kepelbagaian jenis aliran sekolah tersebut sebagai penghalang kepada perpaduan rakyat. Ini adalah tidak benar.

Kerajaan seharusnya mengamalkan pemikiran yang terbuka dan kepelbagaian budaya, dan melaksanakan dasar pendidikan yang memberi layanan adil dan munasabah kepada semua jenis aliran sekolah supaya benar-benar dapat menggalak perpaduan rakyat, keharmonian masyarakat dan membawa kemajuan dan kemakmuran kepada negara kita.



#### **(4) PANDANGAN DAN CADANGAN**

Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (“Pelan Pendidikan”) memberi impak negatif kepada survival dan pembangunan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Menengah Persendirian Cina dan Sekolah *Conforming*. Ini mendatangkan krisis survival kepada pendidikan bahasa ibunda aliran sekolah-sekolah Cina. Pelan pendidikan ini masih menekankan dasar pembangunan Sekolah Kebangsaan sebagai sekolah pilihan utama seluruh rakyat, dan menafikan sekolah aliran lain menikmati hak-hak dan kepentingan-kepentingan yang sepatutnya.

Oleh itu, kami mengemukakan pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan berikut:

- (1) Meminda akta pendidikan dan memansuhkan dasar pendidikan yang berasaskan “objektif muktamad” iaitu dasar pendidikan sistem satu aliran sekolah, dan melaksanakan dasar pendidikan kepelbagaian budaya iaitu dasar pendidikan sistem pelbagai aliran sekolah yang mengguna bahasa pengantar masing-masing. Sehubungan itu, kesemua akta, dasar, pelan dan langkah pendidikan harus memenuhi ciri-ciri dan keperluan pembangunan setiap aliran sekolah, memberi layanan yang adil dan munasabah kepada semua aliran sekolah, dan memastikan survival dan pembangunan mereka.
- (2) Bahasa Cina ialah bahasa pengantar utama di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina manakala Bahasa Malaysia ialah mata pelajaran yang wajib dipelajari. Keadaan pengajaran dan pembelajaran bahasa di SJKC tidak sama dengan Sekolah Kebangsaan. Di SJKC, selain mata pelajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris, semua mata pelajaran yang lain diajar dengan menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantarnya. Oleh itu, Bahasa Cina di SJKC mestilah diperkasakan supaya murid-murid mempertingkatkan penguasaan Bahasa Cina agar dapat meningkatkan lagi hasil dan keberkesanan mempelajari setiap mata pelajaran.
- (3) Membantah Kementerian Pelajaran melaksanakan kurikulum dan pentaksiran standard mata pelajaran Bahasa Malaysia Sekolah Kebangsaan di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, dan membantah penambahan bilangan waktu mata pelajaran Bahasa Malaysia di SJKC. Ini adalah kerana langkah sebegini jelas bertujuan menukar ciri-ciri pendidikan bahasa ibunda SJKC dan secara langsung akan menambah beban murid-murid. Kurikulum dan bahan pembelajaran yang mendalam dan sukar difahami akan menyebabkan murid-murid kehilangan minat mempelajarinya dan juga menyebabkan lebih ramai murid menjadi mangsa. Selain itu, pelaksanaan langkah tersebut akan mengurangkan masa pembelajaran mata pelajaran lain dan aktiviti-aktiviti ko-kurikulum. Keadaan sebegini menjejaskan keberkesanan pembelajaran dan pembangunan fizikal dan mental yang sihat dan seimbang.



Kementerian Pelajaran seharusnya melatih guru-guru dwibahasa yang menguasai bahasa Cina dan bahasa Malaysia untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Malaysia di SJKC, menambah baik bahan dan cara mengajar mata pelajaran Bahasa Malaysia SJKC bagi memenuhi keperluan dan ciri-ciri SJKC supaya mencapai keberkesanan pembelajaran yang paling baik untuk meningkatkan lagi tahap penguasaan bahasa Malaysia di kalangan murid-murid SJKC.

Pada tahun 2009, Kementerian Pelajaran pernah mengemukakan pelaksanaan kurikulum dan pentaksiran standard mata pelajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris Sekolah Kebangsaan di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Pada masa itu, pertubuhan-pertubuhan pendidikan dan kebudayaan masyarakat Cina dan India telah menyuarakan pendirian mereka untuk membantah pelaksanaan tersebut. Pertubuhan-pertubuhan Cina juga mengemukakan memorandum pendidikan kepada YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak dan YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin pada 17 Disember 2009 dan 8 Mac 2010.

Mesyuarat kabinet pada 19 Mac 2010 telah membuat keputusan untuk tidak menyeragamkan standard kurikulum dan pentaksiran mata pelajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris di Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.

Akan tetapi, pelan pembangunan pendidikan yang diumumkan oleh Kementerian Pelajaran pada September 2012 sekali lagi mengemukakan pelaksanaan kurikulum dan pentaksiran standard mata pelajaran Bahasa Malaysia Sekolah Kebangsaan di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Ini sememangnya bertentangan dengan suara hati rakyat dan menghina keputusan kabinet.

- (4) Membantah pemansuhan kelas peralihan di peringkat sekolah menengah. Kementerian Pelajaran harus merancang semula dan menambah baik kurikulum, perguruan dan cara operasi kelas peralihan supaya ianya dapat memperkembangkan peranannya untuk meningkatkan tahap penguasaan Bahasa Malaysia di kalangan pelajar dan dapat mengikuti kurikulum sekolah secara lancar. Memandangkan para pelajar mempunyai tahap penguasaan bahasa yang berbeza-beza, maka kelas peralihan hendaklah dikekalkan untuk menjalankan peranannya dengan baik. Pemansuhan kelas peralihan tentunya akan menyebabkan pelajar-pelajar berkenaan menjadi mangsa.
- (5) Pelan Pendidikan mengabaikan peranan yang dimainkan oleh pihak lembaga pengelola selama ini dalam menjaga Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Kami dengan tegasnya meminta Kementerian Pelajaran mengambil berat peranan lembaga pengelola dan memastikan kuasa lembaga pengelola sekolah tidak terjejas supaya ia dapat beroperasi dengan normal untuk mengurus sekolah dengan sewajarnya, memelihara ciri-ciri sekolah dan berhubung dengan masyarakat untuk membangunkan sekolah.



- (6) Mengadakan kelas-kelas pendidikan prasekolah dan pendidikan khas yang mengguna bahasa Cina sebagai bahasa pengantar di SJKC. Kementerian Pelajaran harus memastikan kurikulum, pentaksiran, bahan pengajaran dan pembelajaran, guru-guru, pembantu guru dan sebagainya memenuhi keperluan pembangunan dan ciri-ciri Sekolah Jenis Kebangsaan Cina yang mengguna bahasa Cina sebagai bahasa pengantar dalam pengajaran, pembelajaran, peperiksaan dan pentadbiran sekolah. Kami mencadangkan Kementerian Pelajaran membekalkan makanan yang mengikut tabiat makan dan minum murid-murid berbilang bangsa.
- (7) Meluluskan penubuhan Sekolah-sekolah Menengah Persendirian Cina yang baru, memberi peruntukan wang secara sistematik kepada semua sekolah tersebut setiap tahun dan mengiktiraf sumbangan mereka kepada negara kita.
- (8) Mengiktiraf sepenuhnya Sijil Peperiksaan Bersama (*Unified Examination Certificate, UEC*) Sekolah-sekolah Menengah Persendirian Cina. Pada masa sekarang terdapat banyak universiti luar negara dan institusi pengajian tinggi swasta tempatan negara kita telah menyetujui dan memperakui sijil tersebut. Ini termasuk 82 buah universiti yang terkenal daripada 200 buah universiti terbaik seluruh dunia mempunyai tamatan pelajar Sekolah-sekolah Menengah Persendirian Cina melanjutkan pelajaran di universiti-universiti tersebut.
- (9) Mementingkan pembangunan Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Ini termasuk:
  - (a) Memberi peruntukan yang adil dan munasabah kepada SJKC secara sistematik.
  - (b) Memulih dan mengadakan sistem latihan perguruan yang mengguna bahasa Cina sebagai bahasa pengantar utama bagi latihan perguruan kumpulan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC).
  - (c) Menyelesaikan masalah kekurangan guru dan masalah penempatan guru-guru tidak berkelayakan Bahasa Cina yang masih dihantar ke SJKC.
  - (d) Mengadakan mekanisme normal penubuhan Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina dengan penyediaan tanah rizab sekolah dan peruntukan yang diperlukan untuk pembinaan sekolah-sekolah tersebut.
- (10) Memperluas pelaksanaan penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Kedua-dua Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 dan Laporan Awal Pelan Pembangunan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 mementingkan penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Namun, perancangan dan pelaksanaannya tertumpu di Sekolah Kebangsaan, manakala Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil telah diabaikan.

Kerajaan harus memperbetulkan dan mencegah penyelewengan yang berlaku semasa memperluas pelaksanaan penggunaan ICT dalam bidang pendidikan, dan harus secara adil memperkasakan pelaksanaan ICT di semua aliran sekolah agar murid-murid mendapat manfaat daripadanya. Barulah ini merupakan cara yang adil dan munasabah serta memberi manfaat kepada pembangunan negara.

- (11) Memulihkan kedudukan, jenis sekolah dan istilah “Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan” (SMJK) secara sah di sisi undang-undang, serta menunaikan janji-janji kerajaan kepada Sekolah-sekolah Menengah *Conforming* termasuk:-
  - (a) Kerajaan menanggung semua perbelanjaan Sekolah-sekolah Menengah *Conforming* (Sekolah-sekolah Menengah Jenis Kebangsaan).
  - (b) Satu pertiga masa persekolahan Sekolah-sekolah Menengah *Conforming* diguna untuk mengajar Bahasa Cina.
  - (c) Menyediakan guru terlatih yang cukup.
  - (d) Menjamin dan memulihkan hak-hak dan kepentingan-kepentingan Sekolah-sekolah Menengah *Conforming* dan kuasa lembaga pengelola sekolah-sekolah tersebut. Perlantikan pengetua dan guru penolong kanan Sekolah Menengah *Conforming* hendaklah berkelayakan Bahasa Cina dan mendapat persetujuan lembaga pengelola sekolah. Pihak lembaga pengelola sekolah berhak mencadang calon pengetua dan guru penolong kanan.
- (12) Kursus kurikulum pendidikan teknikal dan vokasional yang diadakan di Sekolah Menengah *Conforming*, Sekolah Menengah Kebangsaan dan institusi-institusi pendidikan teknikal dan vokasional kerajaan harus menggunakan pelbagai jenis bahasa termasuk bahasa Cina dan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar.
- (13) Menyediakan guru bahasa Cina terlatih yang cukup kepada Sekolah-sekolah Menengah *Conforming* dan Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan, menetapkan secara bertulis supaya kelas Bahasa Cina dan kelas Kesusasteraan Cina diatur dalam jadual waktu persekolahan. Namun, Pelan Pendidikan tidak mementingkan kelas Bahasa Cina di Sekolah-sekolah Menengah *Conforming* dan Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan dan mengabaikan penyediaan guru-guru terlatih yang cukup untuk kelas Bahasa Cina.



## **(5) PENUTUP**

Pendidikan bahasa ibunda merupakan sistem saraf bagi setiap bangsa. Ia adalah cara yang paling baik bagi setiap bangsa meneruskan tradisi budaya dan aspirasinya.

Sehubungan itu, penggubalan dasar pendidikan hendaklah mengambil kira realiti keadaan negara kita sebagai sebuah negara yang berbilang bangsa, budaya dan bahasa serta tren perkembangan dunia. Namun, Pelan Pendidikan tersebut tidak memberi perhatian kepada keperluan aspek-aspek tersebut.

Abad ke-21 merupakan abad rantau Asia. Oleh itu, pelan pembangunan pendidikan di negara kita seharusnya menyesuaikan negara kita kepada perkembangan tersebut. Sehubungan itu, pendidikan rakyat generasi masa depan negara kita hendaklah disesuaikan dengan perkembangan itu. Walau bagaimanapun, kami mendapati bahawa Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 mempunyai kelemahan dan kekurangan dalam perspektif antarabangsa tersebut.

Oleh itu, kami berpendapat bahawa kerajaan harus mengkaji semula Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 supaya mengemukakan pelan pembangunan pendidikan yang praktikal untuk dilaksanakan.

**PERTUBUHAN-PERTUBUHAN YANG MENANDATANGANI**

**PANDANGAN DAN CADANGAN TUJUH PERTUBUHAN CINA  
TERHADAP LAPORAN AWAL PELAN PEMBANGUNAN  
PENDIDIKAN MALAYSIA 2013-2025 KEMENTERIAN PELAJARAN  
MALAYSIA**

**Persekutuan Persatuan-Persatuan  
Lembaga Pengurus Sekolah China  
Malaysia**




**Gabungan Persatuan Guru-Guru  
Sekolah Cina Malaysia**



**Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia**



**Malaysian Seven Major Clans  
Association**





**Persekutuan Persatuan-Persatuan  
Alumni Sekolah China Malaysia**



**Gabungan Persatuan Alumni  
Universiti Taiwan, Malaysia**



**Nanyang University Alumni  
Association of Malaya**

